

## **BAB III**

### **PROSES PENETAPAN MAHAR BAGI MASYARAKAT ISLAM NEGERI SARAWAK**

#### **A. Sejarah terbentuknya Negeri Sarawak.**

Sarawak juga merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kebudayaan berbagai etnik bumiputera. Sarawak berada di bawah pengaruh Kesultanan Brunei pada kurun ke-16. Kerajaan Brunei tidak terlibat secara langsung dalam pentadbiran di Sarawak. Pembesar-pembesar Melayu tempatan dilantik mentadbir Sarawak. Pada 1827, Pangeran Mahkota dilantik memerintah Sarawak oleh Sultan Brunei. Perlantikan ini menyebabkan pentadbiran pembesar-pembesar Melayu tempatan berakhir. Sarawak dikatakan berada di bawah kekuasaan kerajaan Sriwijaya pada kurun-10 hingga kurun-13. Penguasaan kerajaan Sriwijaya ke atas wilayah pesisiran Sarawak telah membolehkan orang-orang Melayu dari Sumatera berhijrah dan menetap di kawasan pesisiran Sarawak.<sup>1</sup> Orang Melayu telah membuka penempatan mereka di Santubong yang merupakan antara pelabuhan entrepot terpenting di Nusantara. Ini telah dibuktikan dengan dengan penemuan bahan artifak seperti pasu zaman dinasti Han Cina di Santubong.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> “Sejarah Sarawak”, dalam [http://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah\\_Sarawak](http://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah_Sarawak), diakses pada 8 Mei 2014.

<sup>2</sup> Hj Abu Malik bin Hatta, *Wawancara*, 11 Mei 2014.

Setelah kejatuhan kerajaan Sriwijaya pada kurun-13, Sarawak dikuasai oleh kerajaan Majapahit. Seorang putera Raja Majapahit iaitu Raden Menteri Dipati Jepang atau Datu Merpati Jepang telah berhijrah ke Sarawak pada kurun ke-15. Baginda telah berkawin dengan Datu Permaisuri anak perempuan Raja Jarom Jawa di Johor sebelum berhijrah ke Sarawak. Daripada keturunan Datu Merpati Jepang, muncullah golongan bangsawan Melayu Sarawak yang bergelar Abang.<sup>3</sup>

Merujuk kepada kitab Sejarah Melayu dan manuskrip sejarah yang terdapat di Brunei, bahawa setelah Kerajaan Sriwijaya dan Kerajaan Melayu di pesisir timur Pulau Sumatera runtuh, maka kemudian dilanjutkan dengan berdirinya Kerajaan Johor (Johor Lama) di Pulau Temasik pada akhir abad ke-13 M (tahun 1200-an) yang wilayah kekuasaannya kemudian meliputi wilayah Sungai Sarawak. Seiring dengan itu, Kerajaan Majapahit di Pulau Jawa berdiri dan berkembang dalam abad ke-14 M (tahun 1300-an) dimana kemudian Kerajaan Majapahit ini menundukkan Kerajaan Johor di Pulau Temasek ini termasuk wilayah Sungai Sarawak itu.<sup>4</sup> Ketika Kerajaan Majapahit melemah pada pertengahan abad ke-14 M itu, maka Kerajaan Johor berhasil melepaskan diri dari kekuasaan Kerajaan Majapahit.

Selanjutnya masih menurut sejarah yang terdapat di Brunei, bahwa pada sekitar tahun 1370 M, Raja Brunei yaitu Awang Alak Betetar di-Islamkan oleh Sultan Johor saat itu dan menikahnya Awang Alak

---

<sup>3</sup> Mohammad Tahir bin Abdul Ghani, Haji, *Hikayat Datuk Merpati*, (Kuala Lumpur: 1989), 64.

<sup>4</sup> Wolters, O. W, *The fall of Srivijaya in Malay history*. (Kuala Lumpur: 1970) 39.

Betatar dengan anak Sultan Johor itu sehingga Awang Alak Betatar pun berganti gelar menjadi Sultan Muhammad Shah dilanjutkan dalam itu bahwa dengan pernikahan ini maka wilayah Sungai Sarawak kemudian diserahkan oleh Sultan Johor kepada Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) untuk selanjutnya menjadi wilayah pentadbiran Kerajaan Brunei.<sup>5</sup> Maka sejak saat itu wilayah Kerajaan Brunei membentang dari wilayah Sarawak di ujung timur hingga wilayah Sabah di ujung barat.

Selanjutnya berdasarkan sejarah yang terdapat di Brunei dan juga yang terdapat di Sambas disebutkan bahwa pada sekitar tahun 1625 M, menyusul persaingan antara Sultan Abdul Jalilul Akbar (Sultan Brunei ke-10) dengan Adindanya yaitu Pangeran Muda Tengah maka untuk menghindari perseteruan maka Sultan Abdul Jalilul Akbar membuat kebijaksanaan untuk memberikan wilayah Sarawak kepada Adindanya yaitu Pangeran Muda Tengah itu agar Pangeran Muda Tengah dapat menjadi Raja di wilayah Sarawak itu. Maka kemudian pada sekitar tahun 1627 M, Pangeran Muda Tengah dan pengikutnya kemudian mendirikan Kerajaan di wilayah Sarawak dengan Pangeran Muda Tengah menjadi Sultan pertama Sarawak dengan gelar Sultan Ibrahim Ali Omar Shah dan kemudian lebih popular dengan sebutan Sultan Tengah atau Raja Tengah.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> R. Nicholl, *Brunei Rediscovered: A Survey of Early Times*, (Kuala Lumpur: BMJ, 1980), 52.

<sup>6</sup> Ibid., 63.

Diyakini bahwa Istana Sultan Tengah ini adalah disekitar Kota Kuching sekarang (ada yang menyebutkan di sekitar Sungai Bedil) sehingga dapat dikatakan bahwa Sultan Ibrahim Ali Omar Shah (Sultan Tengah) inilah orang yang pertama membuka Kota Kuching ini. Sultan Tengah atau Raja Tengah ini kemudian pada sekitar tahun 1629 (disebutkan setelah sekitar 2 tahun memerintah di Sarawak), dalam pelayaran dari Johor ke Sarawak, kapalnya telah dihantam badai dan terdampar di Kesultanan Sukadana (sebuah Kerajaan di bagian tengah dari pesisir barat Pulau Borneo ini). Di Sukadana ini, Sultan Tengah kemudian menikah dengan Adinda Sultan Sukadana dan memperoleh 5 orang anak. Dari Sukadana Sultan Tengah dan keluarganya kemudian berhijrah ke wilayah Sungai Sambas. Keturunan dari Sultan Tengah inilah yang kemudian menjadi Sultan-Sultan Sambas dan keturunannya hingga saat ini dimana Sultan Sambas yang pertama yaitu Sultan Muhammad Shafiuddin (Sulaiman) adalah anak Sultan Tengah dari hasil pernikahannya dengan Adik Sultan Sukadana.

Kemudian pada sekitar tahun 1655 M ketika dalam perjalanan pulang dari Sambas ke Sarawak, Sultan Tengah terbunuh di daerah Batu Buaya dan dimakamkan di Santubong (makam Sultan Tengah telah dibina dengan megah dan dapat ditemui hingga sekarang di lereng Gunung Santubong, disebelah kiri jalan dari Kuching ke Pantai Damai). Setelah kewafatan Sultan Tengah ini, Kerajaan Sarawak tidak diserahkan kepada anak-anak Sultan Tengah tetapi diambil alih kembali oleh Sultan

Brunei sehingga wilayah Sarawak itu kembali menjadi wilayah pentadbiran Kesultanan Brunei. Sehingga dengan demikian Sultan Ibrahim Ali Omar Shah (Sultan Tengah) merupakan Sultan Sarawak pertama dan sekaligus juga merupakan Sultan Sarawak terakhir yang berarti pula merupakan satu-satunya Sultan Sarawak yang pernah wujud.<sup>7</sup>

Sebelum terdampar ke Sukadana (ketika berkunjung dari Sarawak ke Johor, Sultan Tengah telah mengangkat beberapa orangnya yang diberinya gelar Datu Patinggi dan Datu Temenggung untuk mengendalikan pemerintahan Kerajaan Sarawak sepeninggalnya ke Johor itu dan hingga kini gelaran-gelaran itu kemudian masih digunakan turun temurun hingga di masa James Brooke menguasai Sarawak dan gelaran-gelaran itu pun masih terkesan hingga saat ini di Sarawak dan keturunan dari 1000 orang Sakai yang dibawa oleh Sultan Tengah dari Brunei ke Sarawak ketika Baginda mendirikan Kerajaan Sarawak, hingga saat ini masih dikenal di Sarawak dengan sebutan keturunan hamba Raja Sarawak.

Tampaknya bahwa golongan yang bergelar Abang di atas, datang ke Sarawak setelah masa Sultan Tengah itu. Golongan Melayu perabangan Sarawak telah memegang jawatan terpenting seperti Datu Patinggi, Datu Temenggong, Datu Bentara pada zaman pemerintahan Brooke di Sarawak

---

<sup>7</sup> Ibid., 79.

Sedangkan anak Sultan Tengah (Sultan Ibrahim Ali Omar Shah) yang sulung yaitu bernama Sulaiman kemudian pada tahun 1671 M, mendirikan sebuah Kerajaan di wilayah aliran Sungai Sambas yang kemudian dikenal dengan nama Kesultanan Sambas dengan Sulaiman sebagai Sultan Sambas pertama bergelar Sultan Muhammad Shafiuddin. Keturunan dari Sultan Muhammad Shafiuddin (Sulaiman bin Sultan Tengah) inilah yang kemudian secara terus menerus memerintah Kesultanan Sambas (15 Sultan) selama sekitar 279 tahun yaitu dari tahun 1671 M hingga 1950 M.<sup>8</sup> Anak keturunan Sultan-Sultan Sambas ini sekarang banyak tersebar baik di Sambas, Singkawang, Pemangkat, Tebas, Bengkayang, Pontianak, Jakarta.<sup>9</sup> Secara pasti, Sarawak berada di bawah penguasaan Kesultanan Brunei pada awal abad ke-19.

Sarawak merupakan sebuah wilayah yang dikawal secara tidak rapi oleh Kesultanan Brunei pada awal abad ke-19. Kemudian pada 1839, James Brooke datang untuk menghantar surat pada Gabenor Sarawak, Rajah Muda Hasim. Beliau meminta bantuan James Brooke untuk membantu menenangkan keadaan Sarawak yang kacau bilau. Pejuangan Dayak menentang penjajah Brunei terbukti hebat manakala James Brooke yang mempunyai angkatan perang yang lengkap dan beberapa kali mencoba menenangkan pejuang Dayak. Sebagai balasan, James Brooke

---

<sup>8</sup> E. Kratz, *Silsilah Raja-Raja Sambas As A Source of History*, (Kuala Lumpur: Archipel, 1980), 258.

<sup>9</sup> Ibid., 163.

dilantik menjadi gabenor Sarawak pada 24 September 1841, dan seterusnya Rajah pada 18 Ogos tahun berikutnya.<sup>10</sup>

Pada asalnya, wilayah ini cuma merupakan hujung barat Sarawak yang kemudian, yakni kawasan di sekitar Kuching. Sewaktu kematianya pada 1868, anak saudara Charles Anthoni Johnson Brooke menjadi Raja. Beliau pula diwaris oleh anakandanya, Charles Vyner Brooke.

Wilayah Brooke diperluaskan dengan pantas di bawah ketiga-tiga raja itu, kebanyakannya melalui penjejasan kawasan yang pada nama sahaja di bawah kawalan Brunei. Sebenarnya, Brunei cuma mengawal kubu-kubu sungai dan pantai di kebanyakan wilayah yang telah lenyap. Oleh sebab itu, kebanyakan keuntungan yang dicapai adalah melalui penjejasan pembesar Islam dan puak tempatan yang hilang kemerdekaan faktornya.<sup>11</sup>

Dinasti Brooke memerintah Sarawak selama seratus tahun dan mencapai kemasyhuran sebagai “Raja Putih” (“White Rajahs”), dan diberi taraf yang serupa dengan raja-raja India dalam Empayar British.

Berbanding dengan banyak kawasan empayar yang lain, keluarga Brooke bermaksud pengamalan dasar paternalisme untuk melindungi penduduk tempatan daripada eksplotasi oleh empayar Brunei dan pendatang asing. Mereka memerintah dengan bantuan pemimpin

---

<sup>10</sup> R. Nicholl, *Brunei Rediscovered: A Survey of Early Times*, 75.

<sup>11</sup> Ibid., 78.

tempatan dan menggaji pahlawan Dayak sebagai askarnya. Mereka juga menggalakkan imigrasi kelas perdagangan Cina.<sup>12</sup>

### **B. Gambaran umum Masyarakat Islam Negeri Sarawak**

Negeri Sarawak atau juga dikenali sebagai Sarawak Bumi Kenyalang merupakan negeri yang terbesar di Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 131,598 kilometer persegi dan terletak di Malaysia Timur di pulau Borneo. Ibu negerinya ialah Kuching. Sarawak mempunyai 31 Kawasan Parlimen, dan 11 Bahagian meliputi 28 Daerah iaitu Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Sarikei, Limbang, Kapit, Bintulu, Kota Samarahan, Mukah dan Betong.

Sarawak merupakan negeri di Malaysia yang memiliki luas wilayah terbesar di antara wilayah negeri lainnya di Malaysia. Namun, luas wilayahnya ini tidak diiringi dengan banyaknya umat Islam di Negeri Sarawak. Sarawak terletak di bagian utara Kalimantan yang dibatasi oleh Brunei di bagian utara laut China Selatan di bagian timur, Kalimantan Barat, Tengah dan Timur di bagian selatan.

Perbatasan darat dengan ketiga provinsi tersebut mencapai 2.000 km. Dan wilayahnya mayoritas masih berupa hutan. Secara prosentase umat Islam di Sarawak lebih kecil jika dibandingkan dengan prosentase umat Islam di Sabah.

---

<sup>12</sup> Ibid., 83.

Hanya 37 persen penduduknya yang beragama Islam. Sisanya adalah nasrani dan Budha. Sebab, penduduk Sarawak ramai dihuni etnis China. Sama seperti halnya di wilayah Sabah. Suku kaum Melayu di Sarawak mendiami kawasan persisiran pantai. Mereka dipercayai berasal dari Sumatera (dan sesetengah sumber lain juga menyebut Semenanjung Tanah Melayu). Mereka mula datang ke Sarawak sejak kurun ke-15 Masihi lagi. Penempatan awal mereka adalah di Lidah Tanah iaitu kawasan di sekitar Sungai Sarawak.<sup>13</sup>

Orang Melayu beragama Islam dan menjalankan aktiviti ekonomi menangkap ikan di laut, bertani dan bermiaga. Masyarakat Islam Negeri Sarawak pada masa kini kebanyakannya telah berpindah dari desa ke kota untuk turut bersaing dengan masyarakat di kota untuk hidup karena peluang pekerjaan di kota lebih mendatangkan kesenangan hidup kepada orang yang berhijrah ke kota. Masyarakat Sarawak juga wajib keluar ke kota Sarawak untuk ke semenanjung Malaysia jika ingin melanjutkan pelajaran karena di Sarawak masih minim pusat pengajian tinggi.<sup>14</sup>

Pada waktu 20 tahun terakhir, ekonomi dan pendidikan bagi masyarakat Sarawak mula stabil atau meningkat seiring dengan bergulirnya waktu. Dapat dinilai masyarakat Sarawak kini sudah mampu mewujudkan dan bersaing sesama sendiri dalam menjayakan misi Negara.

---

<sup>13</sup> Ismail bin Hamid, *Wawancara*, Sarikei, 1 Mei, 2014.

<sup>14</sup> Subaha bin Len, *Wawancara*, Sibu, 3 Mei, 2014.

### 1. Letak geografis Negeri Sarawak

Terletak di utara Khatulistiwa antara latitud 0,50 dan 5 utara dan longtitud 109°36' dan 115°40' timur, negeri Sarawak terbentang kira-kira 800 km sepanjang pantai barat laut pulau Borneo. Negeri Sarawak dipisahkan dari Semananjung Malaysia oleh jarak 600 km Laut Cina Selatan. Di pulau Borneo, negeri Sarawak bersempadan dengan negeri Sabah di timur laut dan Negara Brunei Darussalam yang membentuk enklaf berganda. Di sebelah pedalaman pula, negeri Sarawak bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia.<sup>15</sup>

### 2. Luas Wilayah Negeri Sarawak

Negeri Sarawak terletak di wilayah barat di pulau Borneo. Dengan kawasan yang seluas 124,449.51 kilometer persegi, negeri ini menjadi negeri yang paling besar di Malaysia, dan membentuk 34.5 % daripada jumlah keluasan 329,750 kilometer persegi di negara ini.

## C. Pendidikan dan Sosial Masyarakat Sarawak

Dalam masyarakat Sarawak, pendidikan masih sangat minim karena mayoritas masyarakat Sarawak masih berada dalam kehidupan yang sederhana. Perkembangan pendidikan di masyarakat Melayu Sarawak telah berlaku pada waktu negeri ini berada di bawah

---

<sup>15</sup> Abdul Rahim bin Muhammad Saffuan, *Wawancara*, Sarikei, 7 Mei, 2014.

pemerintahan Kesultanan Brunei, yaitu sebelum kedatangan James Brooke pada tahun 1939. Walaupun waktu itu proses pendidikan berlaku secara tidak formal dengan kewujudan sistem pendidikan tradisional, mereka telah diajar oleh ustaz atau ustazah terutamanya mengenai hal-hal keagamaan, bacaan al-Quran dan jawi di masjid atau rumah tok guru tersebut.<sup>16</sup> Pada fasa-fasa awal pemerintahan Regim Brooke (1841-1941), terutamanya sewaktu zaman James Brooke memerintah, beliau tidak begitu menitik beratkan soal-soal pendidikan terhadap masyarakat bumiputra Sarawak.

Sebelum penjajahan, orang melayu mendapat pendidikan agama. Semasa penjajahan, peluang pendidikan sekuler terbatas, dan lebih terpusat di daerah perkotaan. Pendidikan sekuler hanya dikembangkan setelah merdeka. Kini pendidikan sekuler menjadi saluran mobilitas sosial yang utama di kalangan orang melayu. Keberadaan kelas menengah Melayu di Malaysia paling utamanya melalui saluran pendidikan.

Perubahan sosial turut berlaku di Sarawak kesan daripada perkembangan ekonominya. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan tersebut tidak banyak memanfaatkan penduduk tempatan. Dalam bidang pendidikan, pemerintahan Brooke telah memperkenalkan sistem pendidikan Melayu. Sekolah rendah Melayu turut ditubuhkan tetapi taraf pendidikannya rendah. Oleh itu, pendidikan Melayu ketinggalan. Pemerintahan Brooke memberi bantuan kepada sekolah Inggeris.

---

<sup>16</sup>Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 46.

Kebanyakan daripada sekolah Inggris didirikan oleh mubaligh-mubaligh Kristian. Orang-orang Cina pula mendirikan sekolah-sekolah Cina dengan menggunakan buku dan sukanan pelajaran dari negara berkenaan.<sup>17</sup>

Masyarakat Sarawak secara keseluruhannya berbicara menggunakan bahasa ibunda mereka. Namun demikian, bahasa yang sering mereka gunakan dalam pertuturan harian. Dari segi pendidikan, masyarakat di Sarawak tidak mempunyai sistem pendidikan yang formal. Mereka lebih mementingkan pendidikan yang bersifat tradisional. Anak-anak mereka kebanyakannya diajar untuk bercucuk tanam, menangkap ikan, dan sebagainya. Antara yang ditanam adalah tebu, lada dan sagu. Tujuannya adalah untuk kegunaan seisi keluarga sahaja. Jika terdapat lebihan daripada hasil tanaman mereka, mereka akan menjualnya secara kecil-kecilan.<sup>18</sup>

#### **D. Karakteristik Masyarakat Islam di Sarawak.**

Sarawak merupakan salah satu negeri yang terdapat dalam negara Malaysia. Sarawak juga mempunyai keluasan 95 persen daripada kawasan Semenanjung Malaysia. Penduduk tempatan di Sarawak terdiri daripada melayu, cina, india dan terdapat lebih daripada 20 etnik yang lain. Anutan agama yang bersandarkan kepada etnik seperti agama Islam, kristian, budha, bahai dan lain-lain lagi menjadi pegangan masyarakat di Sarawak. Berdasarkan kajian, masyarakat Islam Sarawak juga mempunyai karakter

---

<sup>17</sup> Dollah bin Muhammad Ihsan, *Wawancara*, Sarikei, 1 Mei 2014.

<sup>18</sup> Mohd Ismat bin Bujang, *Wawancara*, Sibu, 10 Mei 2014.

tersendiri serta persamaan dengan masyarakat Islam di Negeri-negeri lain dalam Malaysia.

Masyarakat yang peramah menjadikan penduduk Islam di Sarawak sentiasa mempunyai hubungan yang baik antara satu sama lain. Rutin harian yang dilalui setiap hari dengan sentiasa bertanyakan kabar antara sesama jiran, teman sekerja, dan setiap ahli masyarakat mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat. Sebagai contoh, apabila menunaikan solat berjemaah di masjid atau mushola di kawasan qaryah, kita akan dapat melihat sikap ramah sesama muslim setelah solat berjemaah dengan adanya majlis ilmu dan sebagainya.<sup>19</sup>

Di samping itu, keperihatinan masyarakat Islam di Sarawak turut memperlihatkan bagaimana peradaban Islam mewujudkan masyarakat peribumi Sarawak yang sentiasa menitik beratkan kebijakan antara satu sama lain. Sikap ini menjadikan setiap anggota masyarakat Islam di Sarawak tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya. Contoh yang terdekat adalah apabila berlakunya musibah kepada salah sebuah keluarga ketika dilanda masalah. Tetangga-tetangga yang berada di sekitar akan sentiasa mendampingi dan menghulurkan bantuan yang dapat meringankan beban yang mereka tanggung.<sup>20</sup>

Bertanggung jawab dalam setiap tindakan turut menjadikan masyarakat Islam di Sarawak sebagai masyarakat yang mempunyai disiplin dan pribadi yang tinggi. Dalam setiap tindakan yang dilakukan

<sup>19</sup> Yussuf bin Hud, *Wawancara*, Sarikei, 11 Mei 2014.

<sup>20</sup> Hj. Kassim bin Salihin, *Wawancara*, Sarikei, 12 Mei 2014.

oleh anggota masyarakat akan menerbitkan perancangan gerak kerja yang teliti agar tidak menimbulkan permasalahan yang rumit di hari kelak. Sebagai contoh, dalam majlis keramaian yang diadakan, seperti majlis perkawinan ahli keluarga mereka. Tanggung jawab untuk menjayakan majlis dirancang dengan tertib, dan dibincangkan dalam musyawarah bersama ahli keluarga kedua-dua belah pihak agar menghasilkan jalan kerja majlis yang bagus.

Masyarakat Islam di Sarawak juga merupakan masyarakat yang memiliki sikap toleransi yang begitu baik. Terkait dengan sikap toleransi masyarakat Malaysia di tempat-tempat awam seperti di dalam kereta api tanah Melayu (KTM) yang telah menetapkan tempat duduk untuk golongan masyarakat yang mengikut peringkat usia dan kemampuan seperti orang kelainan upaya (OKU). Berlainan pula di Sarawak yang tidak memiliki kemudahan awam seperti itu, sebaliknya terdapat kemudahan lain seperti perkhidmatan bas, taksi, mobil sewa dan lain-lain. Masyarakat Islam di Sarawak mengaplikasikan sikap toleransi dengan mendahulukan yang tua dan orang yang kelainan upaya agar mereka selesa di setiap tempat awam. Sebagai contoh, memberikan tempat duduk kepada ibu mengandung, warga emas dan sebagainya. Sementara itu, sikap saling hormat-menghormati menjadi amalan masyarakat Islam di negeri ini. Menghormati budaya, agama di antara masyarakat yang berbilang kaum di negeri ini menjadikan masyarakat Islam dipandang tinggi dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat yang memiliki

anutan lain di negeri ini. Elemen menghormati antara sesama masyarakat ini adalah merupakan garis panduan utama masyarakat Islam di Sarawak dalam membuktikan budaya Islam yang sering mementingkan adab dan akhlak dalam kalangan masyarakatnya.<sup>21</sup>

Konklusinya, masyarakat Islam di Sarawak merupakan masyarakat yang memiliki peradaban dan karakter yang tersendiri dan mencerminkan budaya Islam yang menjadi teladan sepanjang zaman sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Akhlak dan adab yang seringdisejajarkan dengan panduan utama masyarakat Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah turut melahirkan masyarakat Islam yang sentiasa mengikuti peredaran zaman tanpa mengenepikan garis panduan dalam Islam.

#### **E. Daftar harga mahar yang ditetapkan Jabatan Agama Islam setiap Negeri-Negeri di Malaysia.**

Setiap akad perkahwinan mestilah mempunyai maskahwin dalam bentuk benda yang bernilai walaupun kecil atau manfaat yang diberikan oleh suami kepada isterinya kerana akad perkahwinan.

Di setiap daerah Malaysia telah menetapkan harga mahar pernikahan berbeda-beda. Dan penetapan tersebut telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam di setiap negeri itu sendiri. Dan daftar harga sebagai berikut:<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> Rahmat bin Salleh, *Wawancara*, Sarikei, 14 Mei 2014.

<sup>22</sup><http://rosyur.blogspot.com/2011/01/nilai-mas-kahwin-bg-seluruh-negeri-di.html>, diakses pada 21 Mei 2014.

Mahar Pernikahan Mengikut Negeri Di Malaysia.	Nilai Mahar	
	Perawan (RM)	Janda (RM)
Johor	22.50	22.50
Melaka	40	40
Selangor		
• Puteri Sultan	2,500	625
• Puteri Raja Muda atau Puteri kepada Putera Sultan yang bergelar.	2,000	500
• Puteri Kerabat.	1000	250
• Puteri Anak Raja (Waris)		550
• Puteri Anak Raja (yang lain)	300	75
• Anak perempuan orang-orang besar	300	75
• Cucu Orang Besar	200	50
• Orang Kebanyakkan	300	300
Kuala Lumpur	280	80
Perak	101	101
Pulau Pinang	24	24

Kedah	Tidak ditetapkan	
Perlis	Tidak ditetapkan	
Pahang	22.50	22.50
Terengganu	Tidak ditetapkan	
Kelantan	Tidak ditetapkan	
Sabah	100	80
Sarawak	120	120
Labuan	80	80
Negeri Sembilan	48	24

**F. Pertimbangan harga mahar sebanyak RM120 sebagai mahar perkawinan bagi Masyarakat Islam Negeri Sarawak, Malaysia.**

Harga mahar di Sarawak sudah ditetapkan dengan harga sebanyak RM120 pada tahun 1991 di dalam Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam Tahun 1991.<sup>23</sup> Pada tahun 1970-an, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) telah menetapkan harga mahar perkawinan sebanyak RM40. Dan seiring bergulirnya waktu, pihak Jabatan Agama Islam melipatgandakan harga mahar pernikahan seharga RM120.

Harga RM120 ditetapkan kepada kondisi keuangan masyarakat Islam di Sarawak sendiri dan tingkat ilmu pengetahuan. Para petinggi dalam Jabatan Agama Islam Sarawak meletakkan harga mahar

---

<sup>23</sup> Ustazah Phizwani binti Pandeta, *Wawancara*, Sarikei, 30 April 2014.

perkawinan sebesar RM120 itu wajib dibayar oleh pihak laki-laki dan itu tidak boleh kurang dari harga yang telah ditetapkan atau ditentukan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak.

Jika masyarakat ingin membayar mahar bukan berupa uang, melainkan dengan barang yang dapat diperjualbelikan dengan ketentuan barang itu sendiri tidak boleh kurang dari harga mahar yang telah ditentukan dan kuitansi harga barang tersebut wajib diserahkan atau ditunjukkan kepada bagian Pernikahan di Jabatan Agama Islam Sarawak supaya dapat mengetahui nilai harga barang yang hendak dijadikan mahar tersebut.<sup>24</sup>

#### 1. Pengaruh yang bersifat positif.

Mahar adalah nafkah awal yang berbentuk material sebelum nafkah rutin berikutnya yang dipertanggung jawabkan ke atas suami. Ia juga adalah jaminan atas perpindahan tanggung jawab seorang wanita daripada ayahnya kepada seorang lelaki yang telah sah menjadi suaminya. Secara tidak langsung mahar itu merupakan aset yang berpotensi sebagai satu bentuk perlindungan awal ekonomi wanita. Dengan pemilikan mahar yang tinggi, wanita akan merasa terjamin untuk meneruskan kehidupannya terutamanya apabila berlaku perceraian. Tidak semua wanita memiliki kemampuan dan kemandirian ekonomi. Dengan pemilikan mahar yang produktif, ia bukan sahaja berpotensi

---

<sup>24</sup> Ust Rajak bin Abd Rahim, *Wawancara*, Sarikei, 30 April 2014.

sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi. Hal ini berpotensi meningkatkan status sosio-ekonomi wanita sama ada dalam kalangan mereka yang mempunyai kerja atau tidak. Mahar juga menunjukkan bahwa wanita di dalam Islam masih punyai hak untuk memiliki harta dan tidak menjadi satu entiti dengan suami seperti dalam agama yang lain.<sup>25</sup>

## 2. Pengaruh yang bersifat negatif.

Bila harga mahar pernikahan tinggi, yang sering terjadi di kalangan masyarakat Sarawak adalah golongan muda yang dikategorikan sebagai seorang yang tidak berkemampuan karena terhalang daripada mendirikan perkawinan. Oleh sebab itu, banyak terjadi kasus-kasus pasangan laki-laki dan perempuan muda lebih ke arah sosial seperti berzina dan semacam dengannya.

Apabila sebuah mahar ditetapkan dengan harga tinggi, bisa juga menimbulkan sifat riak dalam diri pengantin bila calon pengantin laki-laki memberi mahar perkawinan yang tinggi kepada calon mempelai wanitanya. Mengundang kedukaan yang berpanjangan terhadap kaum perempuan karena tidak berkawin.

---

<sup>25</sup> Ust Ghazali bin Khan, *Wawancara*, Sarikei, 14 Mei 2014.

**G. Proses penetapan jumlah mahar sebesar RM120 dalam perkawinan masyarakat Islam Negeri Sarawak Malaysia.**

Dalam proses penetapan mahar bagi masyarakat Islam Malaysia khususnya di Negeri Sarawak pada tahun 1991, para petinggi Jabatan Agama Islam Sarawak bermusyawarah dalam menetapkan harga mahar yang sebelumnya sebesar RM40, pada tahun 1991 harga mahar telah dilipatgandakan sebesar RM120 dan itu hukumnya wajib.

Setelah para Petinggi bermusyawarah dengan bagian-bagian yang lainnya telah ditetapkan bahwasanya harga mahar sebesar RM120 telah resmi dituliskan dalam Kaedah- Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sarawak Tahun 1991 dan Undang-undang itu disahkan oleh Ketua Menteri Agama Sarawak supaya Undang-undang tersebut berlaku secara sah.<sup>26</sup>

Jika masyarakat Islam di Negeri Sarawak yang ingin menikah tetapi tidak mampu membayar mahar yang telah ditentukan oleh para Petinggi Agama Islam Sarawak maka calon mempelai laki-laki dan calon mempelai perempuan tidak dapat dinikahkan oleh Bagian Pernikahan di Jabatan Agama Islam Sarawak.

---

<sup>26</sup> Ust Abg Borhanuddin bin Abg. Ahmad Masuine, *Wawancara*, Kuching, 13 Mei 2014.